

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [ SERDANG ]**

**TARIKH : 10 JUN 2015 (RABU)**

**SOALAN :** Dr. Ong Kian Ming [ Serdang ] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kuantiti dan nilai beras yang diimport dari Vietnam ke Malaysia setiap tahun dari 2008 ke 2014 dan adakah beras import Vietnam ini digunakan sebagai beras ST15 di pasaran Malaysia atau pun untuk kegunaan yang lain.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Secara purata kuantiti beras yang diimport dari Vietnam dari tahun 2008 sehingga 2014 ialah 630,000 metrik tan setahun dengan nilai RM1.1 bilion setahun. Beras import putih dari Vietnam yang diimport oleh BERNAS digunakan bagi menampung keperluan pasaran tempatan bersama-sama negara sumber yang lain seperti Thailand dan Pakistan. Pengimportan beras ini adalah perlu memandangkan pengeluaran beras tempatan hanya dapat membekalkan 70% daripada keperluan beras domestik yang berjumlah 2.38 juta metrik tan setahun.

Selain digunakan untuk menampung keperluan domestik, beras putih yang diimport dari Vietnam juga digunakan secara purata 246,000 tan setahun atau sebanyak 40% daripada jumlah pengimportan sebagai beras bersubsidi di Sabah dan Sarawak sepanjang tempoh tersebut.

Beras import digunakan memandangkan pengeluaran beras tempatan di Sabah dan Sarawak hanya dapat menampung kira-kira 10% daripada pengedaran beras bersubsidi di Sabah dan Sarawak yang berjumlah 20,000 metrik tan sebulan. Beras bersubsidi untuk pasaran Semenanjung Malaysia menggunakan 100% beras tempatan memandangkan bekalannya yang mencukupi.

Sekian, terima kasih.